

Bahagian A

Jawab semua soalan.

8.1 Reaksi Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor terhadap Tindakan Barat

- 1 Bandar berikut wujud di Johor.

Bandar Iskandar Puteri

Tokoh manakah yang mengasaskan bandar tersebut?

- A Sultan Ibrahim
- B Sultan Abu Bakar
- C Temenggung Daeng Ibrahim
- D Dato' Jaafar bin Muhammad

Buku Teks m.s. 203

- 2 Jadual berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh pemerintah Johor.

Tahun	Tindakan
1866	Menukarkan nama Bandar Iskandar Puteri kepada bandar Johor Bahru

Antara yang berikut, tokoh manakah yang telah berbuat demikian?

- A Sultan Ibrahim
- B Sultan Abu Bakar
- C Dato' Muhammad Salleh bin Perang
- D Dato' Muhammad Ibrahim bin Munsyi Abdullah

Buku Teks m.s. 203

- 3 Hasil hutan berikut diusahakan oleh penduduk Johor untuk diperdagangkan.

Getah perca

Apakah negara pengimport barangan tersebut?

- A India
- B China
- C British
- D Belanda

Buku Teks m.s. 203

8.2 Tindakan Raja Melayu dalam Menangani Cabaran Barat

- 4 Apakah tuntutan yang pernah dikemukakan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menerusi Durbar 1903?

- A Memulihkan kuasa raja-raja Melayu
- B Menolak pemusatan kuasa Residen British
- C Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- D Menambah bilangan pegawai Melayu ke jawatan tinggi

Buku Teks m.s. 204

- 5 Pentadbiran tokoh berikut berjaya meletakkan Johor sebagai sebuah negeri yang moden.



Sultan Abu Bakar

Apakah langkah yang diambil oleh baginda?

- A Membina terusan
- B Menubuhkan pelbagai jabatan
- C Memulakan pengajian Islam moden
- D Membuka banyak peluang pekerjaan

Buku Teks m.s. 210

- 6 Tokoh berikut pernah dilantik sebagai Sultan Kedah dari tahun 1882 hingga 1943.

Sultan Abdul Halim Hamid Shah

Apakah gelaran yang telah diberikan kepada baginda?

- A Bapa Kedah Baru
- B Bapa Kedah Moden
- C Bapa Keamanan Kedah
- D Bapa Pemulihan Kedah

Buku Teks m.s. 211

- 7 Pilih jabatan kerajaan yang ditubuhkan di Kedah semasa pentadbiran Sultan Abdul Halim Hamid Shah.

A	Pejabat Pesuruhjaya Hutan	Pejabat Setiausaha Keadilan
B	Jabatan Audit	Pejabat Besar Pos dan Telekom
C	Jabatan Perbendaharaan	Pejabat Pesuruhjaya Keadilan
D	Jabatan Tanah dan Ukur	Pejabat Kerja Raya

Buku Teks m.s. 211

8.3 Usaha Pembesar Melayu dalam Pemodenan Negeri

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang telah diambil oleh Tengku Menteri Ngah Ibrahim.

Menemui Sultan Abu Bakar Johor untuk mempelajari sistem pentadbiran moden

Apakah daerah yang terlibat dengan pemodenan tersebut?

- A Kinta
- B Larut
- C Kampar
- D Manjung

Buku Teks m.s. 212

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh British terhadap gerakan penentangan rakyat tempatan di Perak.

Membuang negeri tokoh X ke Pulau Seychelles

Siapakah tokoh X tersebut?

- A Long Jaafar
- B Raja Chulan
- C Sultan Abdullah
- D Tengku Menteri Ngah Ibrahim

Buku Teks m.s. 212

Soalan 10 dan 11 berdasarkan maklumat berikut.

Pembinaan Terusan Wan Muhammad Saman di Kedah dilakukan semasa pentadbiran Wan Muhammad Saman

- 10 Terusan tersebut merupakan pencapaian mengagumkan.

Mengapakah ciptaan ini dianggap sedemikian?

- I Dibina menggunakan peralatan moden
- II Dibina menggunakan peralatan tradisional
- III Menggunakan kaedah sistem kerah
- IV Menggunakan kaedah sistem serah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 213

- 11 Apakah kesan pembinaan terusan tersebut?

- A Pembukaan petempatan baharu
- B Pembinaan terusan kecil untuk pengairan sawah
- C Perkembangan perlombongan bijih timah
- D Peningkatan hasil perlombongan

Buku Teks m.s. 213

- 12 Pengasasan pembukaan bandar berikut telah dilakukan oleh Dato' Muhammad Salleh bin Perang.

Bandar Penggaram

Apakah nama lain bagi bandar tersebut?

- A Muar C Batu Pahat
B Endau D Bandar Maharani

Buku Teks m.s. 213

- 13 Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap kerajaan negeri Johor?

Dato' Jaafar bin Muhammad

- I Memantapkan penggunaan bahasa Melayu
II Mewajibkan pemakaian pakaian rasmi Johor
III Menubuhkan Jawatankuasa Pelajaran Negeri Johor
IV Menubuhkan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Buku Teks m.s. 214

Soalan 14 dan 15 berdasarkan maklumat berikut.

Menubuhkan Jabatan Pelajaran Johor pada tahun 1883

- 14 Siapakah pembesar Johor yang dimaksudkan?
- A Dato' Jaafar bin Muhammad
B Dato' Abdul Rahman bin Andak
C Dato' Muhammad Ibrahim Munsi
D Dato' Muhammad Salleh bin Perang

Buku Teks m.s. 214

- 15 Mengapakah penubuhan jabatan tersebut dilakukan?

- A Memelihara kedaulatan negeri
B Memartabatkan bahasa Melayu
C Menggalakkan pendidikan moden
D Mengekalkan persuratan tempatan

Buku Teks m.s. 214

- 16 Antara yang berikut, tokoh manakah yang diberikan gelaran sebagai Tok Ku Paloh?

- A Dato' Jaafar bin Muhammad
B Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi
C Orang Kaya-kaya Haji Mohammad Arshad
D Saiyid Abdur Rahman bin Saiyid Muhammad

Buku Teks m.s. 214

- 17 Apakah sumbangan Tok Ku Paloh terhadap kerajaan Terengganu?

- I Penglibatan dalam penggubalan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu
II Menjadi penasihat sultan ketika berhadapan peluasan kuasa British
III Mewartakan kewajipan pendidikan kepada kanak-kanak
IV Perintis penubuhan badan persuratan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 214

- 18 Majlis berikut telah ditubuhkan semasa pentadbiran British di negara kita.

Majlis Mesyuarat Persekutuan

Apakah tuntutan yang dikemukakan oleh majlis tersebut?

- A Menyegerakan kemerdekaan Tanah Melayu
B Membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada anak watan
C Membentuk Polis Melayu Diraja untuk menjaga keselamatan bangsa
D Mewartakan pendidikan wajib kepada kanak-kanak dalam persekutuan

Buku Teks m.s. 215

- 19 Sekolah khas berikut telah ditubuhkan oleh Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi di Sarawak.

Sekolah Kajang

Apakah tujuan penubuhan sekolah tersebut?

- A Melatih askar Melayu Diraja
B Menggantikan Madrasah al-Murshidiyyah
C Membolehkan kaum wanita mempelajari ilmu agama
D Menawarkan kelas ilmu duniawi kepada orang dewasa

Buku Teks m.s. 215

- 20 Apakah peranan tokoh berikut semasa pentadbiran British di Sabah?

Haji Mohammad Arshad

- A Membantu Pegawai Daerah
- B Mengetuai pentadbiran kerajaan
- C Menubuhkan Mahkamah Anak Negeri
- D Menggubal undang-undang tempatan

Buku Teks m.s. 215

8.4 Keberkesanan Peranan Pemerintah Tempatan dalam Menangani Cabaran Barat

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh Johor.

Menjadikan motif tanaman X dan Y sebagai awan larat pada semua peralatan istana dan kerajaan

Apakah tanaman X dan Y?

- I Nanas
- II Gambir
- III Lada hitam
- IV Kelapa sawit
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 216

- 22 Antara yang berikut, yang manakah hasil eksport utama di Sarawak pada awal tahun 1820-an?
- A Kopi
 - B Sagu
 - C Mutiara
 - D Lada hitam

Buku Teks m.s. 216

- 23 Pelabuhan-pelabuhan berikut pernah wujud di negara kita.

- Kota Batu
- Sandakan
- Banjarmasin
- Kutei

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kewujudan pelabuhan tersebut sebelum kedatangan kuasa Barat?

- A Pentadbiran pelabuhan oleh Ketua Anak Negeri
- B Pelabuhan eksport bagi hasil perlombongan
- C Pusat pengumpulan hasil laut
- D Pelibatan penduduk tempatan dalam kegiatan perdagangan

Buku Teks m.s. 216

- 24 Jadual berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh pentadbiran British.

Tahun	Peristiwa
1874	Meletakkan Residen di negeri Melayu

Apakah negeri Melayu tersebut?

- A Perlis
- B Pahang
- C Selangor
- D Kelantan

Buku Teks m.s. 217

- 25 Apakah negeri Melayu yang terakhir sekali menerima Penasihat British di negara kita?

- A Johor
- B Kedah
- C Kelantan
- D Terengganu

Buku Teks m.s. 217

- 26 Falsafah berikut dipegang kuat oleh pemerintah Johor.

Johor mesti jadi Johor

Siapakah pemerintah yang dimaksudkan?

- A Sultan Ismail
- B Sultan Ibrahim
- C Sultan Abu Bakar
- D Sultan Abdul Rahman

Buku Teks m.s. 217

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan sebahagian daripada kandungan Perjanjian British-Johor tahun 1914.

Perkara III

Apakah yang berkaitan dengan Perkara tersebut?

- I Residen menasihati sultan
- II Sultan menerima Penasihat British
- III Nasihat British melibatkan pentadbiran negeri
- IV Pembesar tidak boleh menyerahkan negeri kepada kuasa asing
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 217

28 Apakah organisasi yang menjadikan moto berikut sebagai lambang perkhidmatan?

Taat Setia

- A Pasukan Polis Kedah
- B Rejimen Askar Melayu
- C Perkhidmatan Tadbir Melayu
- D Perkhidmatan Awam Tanah Melayu

Buku Teks m.s. 218

29 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan sistem pendidikan di negara kita dari tahun 1896 hingga 1900.

Mendirikan sekolah perempuan

Apakah negeri yang terlibat dengan pembinaan sekolah tersebut?

- I Pahang
- II Perak
- III Selangor
- IV Negeri Sembilan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 218

30 Bidang pendidikan tidak diberikan keutamaan oleh pentadbiran British.

Apakah alasan British berbuat demikian?

- A Memerlukan kos yang tinggi
- B Tidak memberikan keuntungan
- C Tumpuan kepada pendidikan tidak formal
- D Mendapat tentangan masyarakat tempatan

Buku Teks m.s. 218